PILIHAN BAHASA OLEH SUKU KAUM MELANAU DI NEGERI SARAWAK

MOHAMMED AZLAN MIS
azlan_ukm@yahoo.com.my
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, FSSK
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor D.E.

ABSTRAK

Di negeri Sarawak mempunyai pelbagai suku kaum yang menggunakan bahasa mereka sendiri. Salah satu suku kaum yang utama ialah suku kaum Melanau. Kajian ini membincangkan mengenai pilihan bahasa suku kaum Melanau sebagai bahasa perhubungan sehari-hari mereka di negeri Sarawak. Kajian ini bertujuan meninjau pilihan bahasa yang menjadi alat perhubungan dalam komuniti Melanau di bandar Sarikei. Usaha untuk menentukan apakah pilihan bahasa suku kaum Melanau di negeri Sarawak ini perlu bertitik tolak dari maklumat pilihan bahasa semasa yang digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Pilihan bahasa terjadi apabila terdapat lebih daripada satu bahasa atau kelainan bahasa dalam sesuatu komuniti (Fishman 1972). Anggota komuniti memilih bahasa yang mana patut digunakan sebagai bahasa perhubungan antara mereka. Pilihan bahasa ini boleh dibahagikan kepada beberapa bentuk berdasarkan domain dan soal selidik. Seseorang itu memilih satu bahasa atau beberapa bahasa untuk digunakan dalam satu domain dan dalam domain yang lain memilih bahasa yang lain. Secara keseluruhannya, didapati bahasa yang dipilih oleh suku kaum Melanau berhubung dengan sesama Melanau, suku kaum Melayu, Iban dan Cina dominannya ialah dialek Melayu Sarawak.

Kata Kunci: Melanau, Pilihan Bahasa, Domain, Dominan

ABSTRACT

In Sarawak there are a various ethnic groups who use their own language. This article discusses the choice of language of the Melanau community in their daily interaction in Sarawak. This study aims to find out the language choice that is used as a tool of communication of the Melanau community in the city of Sarikei. Efforts to determine what language option of the Melanaus in Sarawak should begin with information on the current language choice that is used in their daily life. Language choice occurs when there is more than one language or variety of language in a community (Fishman 1972). Community members choose which language should be used for communication amongst them. This language option can be divided into several forms based on the domain and the questionnaires. An individual chooses one or several languages for use in one domain and will choose another language in another domain. On the whole, it is found that the dominant language chosen by the Melanaus, Malay ethnic group, Ibans and Chinese is Sarawak Malay dialect.

***Key Words** : Melanau, Language choice, domain, dominant*

Pengenalan

Pilihan bahasa terjadi apabila terdapat lebih daripada satu bahasa atau kelainan bahasa dalam sesuatu komuniti. Seseorang itu memilih satu bahasa untuk digunakan dalam satu domain dan dalam domain yang lain mungkin memilih bahasa yang lain.

Kajian pilihan bahasa suku kaum Melanau di negeri Sarawak dengan memilih kawasan bandar Sarikei sebagai kawasan kajian adalah untuk mengetahui pilihan-pilihan bahasa yang digunakan dalam situasi-situasi tertentu dan juga bahasa perhubungan sehari-hari suku kaum tersebut. Kajian seperti ini penting bagi melihat kecenderungan suku kaum Melanau di Sarikei dalam berinteraksi satu sama lain dan juga dengan suku kaum yang lain seperti Melayu, Iban dan Cina dalam menjalankan urusan sehari-hari dengan memilih satu bahasa perhubungan antara mereka. Banyak maklumat baru dan menarik telah diperolehi mengenai bahasa-bahasa di negeri Sarawak untuk diketahui dengan lebih lanjut agar dapat dirujuk sebagai sumber yang berguna pada masa akan datang. Kajian pilihan bahasa suku kaum Melanau ini mungkin menggambarkan pilihan bahasa yang berlaku di kawasan-kawasan lain di negeri Sarawak.

Pilihan Bahasa

Bagi memastikan latar belakang yang kukuh dalam usaha membincangkan mengenai tajuk pilihan bahasa ini, akan dibincangjkan beberapa aspek yang utama berkaitan dengan pilihan. Secara umumnya, terdapat dua bentuk kajian yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana bahasa untuk meneliti pilihan bahasa, iaitu bersifat mikro dan juga makro. Kajian pilihan bahasa yang bersifat mikro menekankan kepada penggunaan bahasa pada peringkat individu yang berinteraksi dan juga kajian dalam kelompok yang kecil. Kajian pilihan bahasa bersifat makro pula memperhitungkan distribusi perbezaan bahasa dalam masyarakat dan hubungannya dengan kelompok yang lebih ramai. Oleh itu, sekiranya satu kajian yang dilakukan merupakan kajian yang berorientasikan masyarakat atau tertumpu kepada meneliti proses sosial dan organisasi masyarakat, maka kajian tersebut merupakan kajian yang bersifat makro (Fishman 1972: 453).

Di antara penelitian awal terhadap kajian pilihan bahasa telah dilakukan oleh Fishman (1972: 435-453, 1972a). Fishman telah membincangkan beberapa perkara utama mengenai kajian pilihan bahasa beserta konsep domain yang diketengahkan melalui pendekatan *who speaks what language to*

whom and when. Fishman telah menggunakan domain sebagai satu kaedah yang khusus untuk mendapatkan maklumat atau data pilihan bahasa dalam masyarakat yang pelbagai bahasa.

Menurut Fishman, setiap orang akan memilih satu bahasa tertentu semasa mereka berkomunikasi dengan orang lain atau dalam masyarakat tertentu. Fishman membayangkan akan terdapat beberapa domain yang berbeza-beza antara masyarakat yang pelbagai bahasa ibunda. Oleh yang demikian, sebaiknya kajian pilihan bahasa perlu diteliti dalam skala yang lebih besar dan mempunyai tujuan untuk menghubungkan pilihan bahasa secara lebih spesifik atau dari sesuatu yang abstrak kepada satu lingkungan institusi atau aktiviti masyarakat. Oleh yang demikian, domain merupakan satu konsep yang amat berguna untuk penghuraian fungsi bagi pilihan bahasa yang digunakan dalam masyarakat bahasa yang ramai jumlahnya. Apabila kita meninjau tentang pilihan bahasa, tentulah domain diperlukan agar kita dapat mengetahui bahasa yang digunakan dengan aktiviti komunikasi masyarakat yang pelbagai bahasa itu.

Dalam hal yang berkaitan dengan pilihan bahasa, Fishman merujuk kepada masyarakat yang pelbagai bahasa dan bahasa yang dipilih merupakan bahasa yang paling utama digunakan oleh semua ahli dalam masyarakat tersebut. Setiap masyarakat bahasa menuturkan banyak variasi atau ragam bahasa. Dalam beberapa hal, variasi bahasa yang berlainan itu mungkin mewakili bahasa dalam pekerjaan, minat, tempat, masa dan topik yang berlainan. Selain itu, terdapat juga bahasa yang mungkin mewakili kelas sosial (ekonomi, pendidikan, bangsa) yang berlainan dalam kalangan penduduk kawasan yang sama. Oleh itu, pilihan bahasa wujud apabila terdapatnya pelbagai bahasa dalam reportoire komunikasi sesuatu komuniti. Para penutur memilih salah satu bahasa sebagai keperluan mereka untuk dapat berinteraksi dan digunakan dalam topik, situasi dan interkoluter yang tertentu. Ini bererti penutur dalam sesuatu komuniti perlu mengetahui alternatif untuk memilih bahasa yang sesuai semasa mereka bertutur merujuk kepada topik, situasi dan interkoluter.

Oleh yang demikian, setiap pilihan bahasa yang ada digunakan dalam masyarakat seperti di Malaysia telah dikongsi bersama dan digunakan oleh setiap ahli masyarakat berkenaan. Menurut Asmah (1985: 3), bahasa tidak dapat dipisahkan dari orang yang menuturkannya. Sungguhpun pewujudan pertuturan itu adalah hasil kegiatan seseorang individu, tetapi bahasa itu tidak dapat wujud dalam sesebuah masyarakat jika tidak digunakan oleh sekumpulan individu dalam hubungan mereka satu sama lain.

Secara keseluruhannya, dapat difahami di sini bahawa pilihan bahasa adalah satu keperluan dalam kehidupan masyarakat yang pelbagai bahasa untuk mereka dapat berhubung dalam kehidupan sehari-hari dan digunakan bersama oleh semua ahli masyarakat tersebut.

Ervin-Tripp (1972) telah melanjutkan lagi perbincangan mengenai konsep domain dalam kajian pilihan bahasa. Kajian Ervin-Tripp mengaitkan tingkah laku verbal dengan pemegang peranan (peserta), topik, fungsi interaksi dan juga latar. Semua tingkah laku verbal ini akan mempengaruhi pilihan bahasa seseorang. Pada pendapat Ervin-Tripp, pemegang peranan (peserta), topik, fungsi interaksi dan latar merupakan beberapa domain pilihan bahasa.

Menurut Ervin-Tripp (1972) lagi, pilihan bahasa berkaitan semestinya mempunyai kaitan secara langsung dengan peserta, topik, fungsi interaksi dan juga latar. Peserta merupakan mereka yang terlibat dalam sesuatu komunikasi dan dipengaruhi oleh umur, jantina, pekerjaan, status sosio-ekonomi, asal, keturunan dan hubungan penutur dengan orang lain (seperti majikan-pekerja, suami-isteri). Topik merujuk kepada topik pekerjaan, sukan dan hal-hal semasa. Fungsi interaksi merupakan sesuatu yang rutin dan biasa dilakukan oleh seseorang. Contoh rutin dan kebiasaan adalah ucapan menyapa, mengucap terima kasih, meminta maaf dan sebagainya. Sesuatu latar pilihan bahasa pula berkaitan dengan masa dan lokasi sesuatu komunikasi. Latar boleh berubah sekiranya terdapat variasi baru semasa sesuatu komunikasi itu berlangsung. Pilihan bahasa akan berubah sekiranya pemegang peranan, topik, fungsi interaksi dan juga latar berubah di samping wujudnya perkara-perkara yang boleh menghalang atau membatasi dalam ketika sesuatu komunikasi itu berlangsung.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan melalui penelitian oleh Ervin-Tripp (1972) ini, pilihan bahasa seseorang itu tidak akan dipengaruhi oleh dua bahasa yang berlainan secara sama rata. Pengetahuan dan kemahiran berbahasa seseorang dalam satu-satu bahasa dengan kemahirannya dalam bahasa yang lain tidak sama. Satu bahasa mungkin dipelajari di rumah, dan satu lagi di sekolah, atau satu bahasa mungkin dipelajari semasa zaman kanak-kanak dan satu lagi bahasa dipelajari apabila telah dewasa. Hal ini menunjukkan seseorang yang dwibahasa akan berkomunikasi menggunakan satu-satu bahasa berlandaskan peserta, topik, latar (situasi atau konteks) dan juga fungsi interaksi yang berbeza-beza.

Merujuk kepada kajian yang dibuat oleh Holmes (2001) pula berkaitan dengan masyarakat yang pelbagai bahasa, seseorang akan memilih satu bahasa untuk digunakan sebagai bahasa perhubungan. Setiap pilihan bahasa ini dipengaruhi oleh faktor sosial, iaitu siapa dengan bercakap, konteks sosial, fungsi dan juga topik perbincangan. Pendekatan ini telah dibuktikan oleh Holmes dengan menyatakan

sekiranya berlaku interaksi dalam keluarga, peserta yang berkaitan dengan interaksi tersebut adalah ahli keluarga, lokasi atau latar komunikasi itu adalah di rumah dan, topik yang dibincangkan adalah berkaitan dengan aktiviti kekeluargaan. Semua yang berkaitan dengan interaksi seperti ini ditentukan kerelevenannya dalam menghuraikan pola pilihan bahasa. Menurut Holmes, semua ini dikenali sebagai "domain", iaitu satu konsep yang telah dipopularkan oleh Fishman (1972). Dengan itu, kita akan dapat mengetahui secara menyeluruh mengenai pilihan bahasa yang ada digunakan dalam masyarakat. Secara tidak langsung, menurut Holmes, melalui pendekatan domain akan memudahkan penyelidik bahasa untuk membuat perbandingan pilihan bahasa dalam masyarakat yang pelbagai bahasa.

Holmes juga telah mengetengahkan beberapa faktor lain yang mempengaruhi pilihan bahasa seseorang seperti jarak sosial, iaitu sejauh manakah seseorang itu mengenali seseorang yang lain, adakah mereka berkawan atau tidak mengenali langsung dan juga mungkin adik-beradik. Selain itu, faktor status juga dapat menentukan pilihan bahasa seseorang, sama ada seseorang itu berstatus tinggi atau rendah. Faktor ketiga pula adalah mengenai hubungan antara seseorang dengan seseorang yang lain seperti guru-masyarakat, doktor-pesakit, tentera-orang awam dan sebagainya. Faktor yang seterusnya adalah berkaitan dengan faktor keformalan, iaitu berkaitan dengan situasi komunikasi. Seseorang akan memilih bahasa tertentu untuk digunakan dalam majlis yang formal dan bahasa yang lain dalam majlis yang tidak formal. Faktor yang terakhir adalah berkaitan dengan faktor fungsi bahasa. Faktor fungsi bahasa merujuk kepada apakah matlamat sesuatu interaksi itu berlangsung, iaitu pilihan bahasa semasa mereka sedang merayu atau untuk memberi perintah. Semua faktor ini memberi kesan terhadap pilihan bahasa seseorang untuk digunakan dalam masyarakat.

Secara keseluruhannya, dapat difahami bahawa dalam kajian-kajian pilihan bahasa, domain adalah sesuatu yang sangat penting dan digunakan sesuai untuk digunakan dalam penelitian pilihan bahasa. Domain boleg dikaitkan dengan situasi, perhubungan dan peranan, tingkah laku penutur serta kejadian bertutur yang terbentuk daripada beberapa gagasan seperti latar, peserta dan topik. Secara lebih mudahnya, domain merupakan penggunaan pelbagai bahasa dalam konteks sosial atau latar yang bergantung kepada fungsi dan topik perbincangan dalam sesebuah masyarakat.

SelanjutnyaAsmah (1982) telah mengkaji juga mengenai pilihan bahasa yang merujuk kepada masyarakat yang berbilang bangsa di Malaysia. Hasil kajian Asmah telah menunjukkan semasa sesuatu komunikasi dalam kalangan masyarakat di Malaysia, wujudnya percampuran (*interference*) kod dan penukaran kod. Percampuran kod berlaku apabila sistem bahasa asing telah mempengaruhi sistem bahasa tempatan seperti wujudnya beberapa elemen asing berkemungkinan dalam bentuk fonemik,

tatabahasa dan juga leksikal di dalam bahasa tempatan. Begitu juga dengan berlakunya peralihan kod apabila dua atau lebih ayat dari pelbagai bahasa digunakan oleh seseorang yang sedang berkomunikasi sama ada dalam situasi formal ataupun separa formal.

Selain daripada percampuran dan peralihan kod, kajian Asmah telah dilanjutkan dengan wujudnya bahasa pidgin dalam masyarakat yang pelbagai bahasa. Menurut Asmah, bahasa pijin di Malaysia dilihat mengikut perbezaan antara kumpulan linguistik. Contohnya ialah bahasa Melayu mempunyai pidgin bahasa Melayu, begitu juga dengan bahasa Inggeris, Hokkien dan juga Kantonis (pijin Hokkien dan Kantonis merupakan bahasa pijin yang terbesar dalam kalangan masyarakat Cina). Dengan merujuk kepada kajian Asmah ini, dapat difahami bahawa fenomena pilihan bahasa di Malaysia berlaku dalam tiga bentuk, iaitu percampuran kod, peralihan kod dan juga pidgin. Secara keseluruhannya, pilihan bahasa di Malaysia dianggap sesuatu yang perlu apabila setiap rakyat Malaysia yang pelbagai bahasa sentiasa bergaul dan berinteraksi untuk memenuhi keperluan kehidupan sehari-hari dan berlaku mana-mana sahaja.

Menurut Asmah lagi, seseorang akan memilih untuk menggunakan sesuatu bahasa berdasarkan beberapa faktor. Faktor pertama adalah keefektifan; responden memilih bahasa yang paling efektif dengan interkoluternya, di sini berlaku penyesuaian dan kebolehan berbahasa interkoluternya. Faktor kedua ialah keselesaan, responden memilih bahasa yang selesa baginya dan juga bagi interkoluternya. Keselesaan ini mengurangkan jarak sosiopsikologi antara penutur. Faktor yang ketiga pula adalah keupayaan untuk menurut peraturan oleh pihak yang lebih berkuasa. Dalam upacara rasmi seperti mesyuarat, orang bukan Melayu lebih cenderung untuk menggunakan bahasa Melayu kerana mereka harus menurut peraturan dan dasar bahasa. Jika mereka tidak menurut peraturan ini, mereka boleh dianggap telah melanggar dasar bahasa kebangsaan dan tidak mempunyai semangat kebangsaan. Keadaan ini berbeza pula bagi orang Melayu, mereka boleh tidak menurut dasar bahasa dengan cara menggunakan bahasa Inggeris disebabkan mereka adalah orang Melayu. Maka mereka tidak dianggap sebagai penentang dasar bahasa kebangsaan kerajaan. Selain itu, pilihan bahasa dapat menyatakan identiti linguistik seseorang dan tidak terjadi secara semulajadi. Ia berubah dengan perkembangan individu, persekitaran dan situasi penggunaan bahasa. Akibatnya, seseorang itu akan mempunyai beberapa identiti linguistik dengan kekuatan yang berbagai-bagai.

Secara keseluruhannyasememnagnya banyak lagi pendekatan dan juga kajian mengenai pilihan bahasa yang telah ditulis oleh sarjana-sarjana bahasa. Walau bagaimanapun, kajian mengenai pilihan bahasa suku kaum Melanau di negeri Sarawak ini telah menggunakan pendekatan yang telah

dinyatakan oleh Fishman (1972, 1972a) dengan merujuk satu bahagian utama pilihan bahasa, iaitu latar sahaja. Selain itu, kajian ini juga menggunakan konsep domain yangt telah disesuaikan dengan kegiatan harian suku kaum Melanau di negeri Sarawak.

Suku Kaum Melanau Di Sarawak

Suku kaum Melanau merupakan salah satu suku kaum bumiputera di negeri Sarawak. Menurut Ian Clayre (1970: 36), "orang Melanau merupakan penduduk tertua di Sarawak dan juga penduduk asal negeri ini. Dari segi fizikal pula orang Melanau tidak jauh berbeza dengan orang Melayu akibat daripada system pendidikan moden dan pendedahan yang diterima oleh mereka".

Nama Melanau sebenarnya bukannya nama sebenar yang merujuk kepada suku kaum ini. Nama "Melanau" merupakan nama yang telah digunakan oleh masyarakat di Brunei ke atas suku kaum ini. Orang Melanau sendiri menggelarkan diri mereka sebagai *a likou* yang bermakna "orang sungai" (Morris 1953: 2). Terdapat juga orang Melanau menggelarkan diri mereka sebagai "Lemano" (Hashim Awang 1979: 279). Menurut Lo Ming (1966: 12) pula, nama Melanau seakan-akan sama atau lebih dekat dengan nama "Melayu" dan serinh disalah anggap sebagai orang Melayu sahaja. Dari segi budaya, agama dan adat resam (pakaian, makanan, perayaan dan sebagainya), antara suku kaum Melanau dengan Melayu di negeri Sarawak tidak banyak berbeza. Orang lelaki Melanau menggunakan baju Melayu dan bersongkok, dan perempuan Melanau juga menggunakan baju kurung dan kebaya, sama seperti orang Melayu.

Kaedah Penelitian

Kaedah utama untuk mendapatkan data pilihan bahasa suku kaum Melanau di Sarikei ialah soal selidik (borang). Kaedah yang digunakan merupakan kaedah untuk mendapatkan maklumat secara menyeluruh dalam kawasan yang luas atau meliputi jumlah responden yang besar berdasarkan domain, iaitu domain di rumah, persahabatan, kedai dan pasar, klinik dan hospital, bank serta sukan dan riadhahJumlah responden yang menjawab boring soal selidik ialah 40 orang yang dipilih secara rawak. Semua maklumat telah dianalisis secara peratusan dan dipaparkan dalam bentuk jadual seperti yang ditunjukkan dalam bahagian yang seterusnya.

Domain Pilihan Bahasa Suku Kaum Melanau

Secara khususnya, domain bermaksud rumpun sosial yang secara tipikal dikawal oleh set rumus perilaku yang lazim atau sebaliknya. Kaitan antara kedua-dua unsur digambarkan dalam definisi domain yang diutarakan oleh Fishman (1972: 442) di bawah:

> *...regardless of their number, in terms of institutional contexts and their congruent behavioral co-occurrences. They attempt to summate the major clusters of interaction that occur in clusters of multilingual setting and involving clusters of interlocuters. Domains enable us to understand that language choice and topic, appropriate though they may be for analyses of individual behavior at the level of face-to-face verbal encounters, are, as we suggested above, related to widespread socio-cultural norms and expectations.*

Pendekatan domain terbukti mudah diurus berasaskan bukti-bukti empiris untuk mengkaji pilihan bahasa (Fishman 1972, Ervin-Tripp 1972, Holmes 2001, Noriah dan Meriam 2005). Dengan adanya domain, kajian pilihan bahasa suku kaum Melanau yang dijalankan akan menghasilkan keputusan yang tepat dan menepati semua keperluan untuk menentukan pilihan bahasa suku kaum tersebut. Analisis pilihan bahasa berdasarkan domain akan dapat diorganisasikan dengan jelas, lebih khusus dan teratur. Tiap-tiap satu soalan dalam borang soal selidik menanyakan satu domain sahaja. Dengan itu, antara soalan yang dikemukakan kepada responden, tidak akan berlaku pertindanan domain dan dapat mengelak masalah kesukaran kepada suku kaum Melanau untuk memberikan interpretasi yang sewajarnya.

Domain-domain yang dibentuk dalam kajian ini merujuk kepada tiga latar yang utama: keluarga, kawan dan jiran serta pekerjaan. Domain yang berkaitan dengan keluarga ialah domain di rumah. Domain yang berkaitan dengan kawan dan jiran ialah domain persahabatan, di kedai dan pasar serta sukan dan riadhah. Domain yang berkaitan dengan pekerjaan ialah di pasar dan kedai, di bank, di hospital dan klinik. Domain untuk aktiviti sukan dan kegiatan rekreasi merupakan domain sukan dan riadhah.

Maklumat Pilihan Bahasa Suku Kaum Melanau

40 orang responden Melanau telah menjawab soalan soal selidik. Responden Setiap pilihan bahasa yang dipaparkan dalam bab ini juga akan diringkaskan mengikut siapa bertutur, bahasa yang digunakan, interkoluter dan juga domain.

Pilihan Bahasa Domain Di Rumah

Bahagian ini menunjukkan pilihan bahasa untuk domain di rumah suku kaum Melanau. Jadual 1 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 1: Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Di Rumah

Interlokuter	Pilihan Bahasa Domain Di Rumah						
	Dialek Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Bahasa Rojak Melayu-Iban	Bahasa Rojak Melayu-Melanau	Jumlah Keseluruhan
Melanau	33	-	-	32	-	38	
Jumlah	33	0	0	32	0	38	103
%	32	0	0	31	0	37	100

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau domain di rumah adalah seperti:

1. Apabila responden Melanau bercakap sesama Melanau, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
   a) 38 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
   b) 33 orangdari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih dialek Melayu Sarawak.
   c) 32 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.

2. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa untuk domain keluarga responden Melanau ialah 103 orang, iaitu:
   a) 38 orang atau 37% memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
   b) 33 orang atau 32% memilih juga dialek Melayu Sarawak.
   c) 32 orang atau 31% memilih juga bahasa Melanau.

3. Dapatan pilihan bahasa untuk domain di rumah ini dapat diringkaskan seperti di bawah:
   a) Siapa bertutur – Responden Melanau
   b) Pilihan bahasa – Dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Melanau

c) Interlokuter - Sesama Melanau
d) Domain - Di rumah bersama ahli keluarga

Seacar keseluruhannya, responden Melanau di Sarikei telah memilih tiga bahasa domain di rumah. Responden Melanau telah memilih bahasa rojak Melayu-Melanau sebagai bahasa yang utama. Dalam domain ini juga telah menunjukkan orang-orang Melanau bertukar ganti pilihan bahasa mereka bila bercakap dengan sesama Melanau. Pilihan bahasa yang lain selain bahasa rojak Melayu-Melanau yang ada digunakan ialah bahasa Melanau dan dialek Melayu Sarawak..

Semasa di rumah telah menunjukkan responden Melanau banyak memilih dialek Melayu Sarawak (iaitu sepenuhnya dialek melayu Sarawak dan juga bahasa rojak yang mengandungi dialek Melayu Sarawak) kerana dipengaruhi oleh beberapa factor, seperti kawasan tempat tinggal, kebiasaan dan pergaulan mereka sehari-hari. Responden Melanau di Sarikei tinggal di kawasan kampung Melayu. Jiran-jiran yang tinggal bersama dengan responden Melanau ini kebanyakannya terdiri daripada suku kaum Melayu. Disebabkan kawasan tempat tinggal dan pergaulan mereka yang biasa dengan suku kaum Melayu, penggunaan dialek Melayu Sarawak telah menjadi satu pilihan yang biasa digunakan dan telah menjadikan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa yang utama di rumah.

Pilihan Bahasa Domain Persahabatan

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain persahabatan dalam kalangan responden Melanau di Sarikei. Interkoluter responden Melanau domain persahabatan ini terdiri daripada sesama Melanau, Melayu, Cina, dan Iban. Jadual 2 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 2: Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Persahabatan

Interlokuter	Pilihan Bahasa Domain Persahabatan						
	Dialek Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Bahasa Rojak Melayu-Iban	Bahasa Rojak Melayu-Melanau	Jumlah Keseluruhan
Melanau	37	-	-	24	-	24	
Melayu	40	-	-	19	-	34	
Iban	40	-	-	-	13	14	
Cina	40	-	-	-	13	14	

Jumlah	157	0	0	43	26	86	312
%	50	0	0	14	8	28	100

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau domain di persahabatan adalah:

1. Apabila responden Melanau bercakap sesama Melanau, responden Melanau memilih tiga bahasa sahaja, iaitu:

   a) 37 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 24 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.
   c) 24 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.

2. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Melayu, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 34 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
   c) 19 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.

3. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Iban, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 14 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
   c) 13 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

4. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Cina, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
   a) 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 14 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
   c) 13 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain persahabatan responden Melanau ialah 312 orang, iaitu:

   a) 157 orang atau 50% memilih juga dialek Melayu Sarawak sesama Melanau, Iban, Melayu, dan Cina.
   b) 86 orang atau 28% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina.
   c) 43 orang atau 14% memilih juga bahasa Melanau sesama Melanau dan Melayu.
   d) 26 orang atau 8% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Iban dan Cina.

6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain persahabatan ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

a) Siapa bertutur – Responden Melanau
b) Pilihan Bahasa – Dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu- Iban, dan bahasa rojak Melayu-Melanau
c) Interlokuter - Sesama Melanau, Melayu, Iban dan Cina
d) Domain - Bergaul dengan kawan atau jiran tetangga

Responden Melanau di Sarikei telah memilih empat bahasa domain di persahabatan apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina. Secara keseluruhannya, pilihan bahasa domain persahabatan orang-orang Melanau ini telah menunjukkan dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa yang paling utama. Selain dialek Melayu Sarawak, orang-orang Melanau ini juga menggunakan bahasa rojak Melayu-Melanau, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Iban.

Dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan utama dalam domain ini terutamanya ketika orang-orang Melanau berkomunikasi dengan orang Melayu dan sesama Melanau. Sekiranya orang-orang Melanau berkomunikasi dengan suku kaum Iban dan Cina, bahasa yang paling banyak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

Pilihan Bahasa Domain Di Kedai dan Pasar

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain di kedai dan pasar dalam kalangan responden Melanau di Sarikei. Interkoluter responden Melanau domain persahabatan ini terdiri daripada sesama Melanau, Melayu, Cina, dan Iban. Jadual 3 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 3: Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Di Kedai dan Pasar

Interlokuter	Pilihan Bahasa Domain Di Kedai dan Pasar						
	Dialek Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Bahasa Rojak Melayu-Iban	Bahasa Rojak Melayu-Melanau	Jumlah Keseluruhan
Melanau	39	-	-	23	-	35	
Melayu	40	-	-	20	-	35	
Iban	40	-	-	-	16	11	
Cina	40	-	-	-	15	9	
Jumlah	159	0	0	43	31	90	323
%	49	0	0	13	10	28	100

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau domain di kedai dan pasar adalah:

1. Apabila responden Melanau bercakap sesama Melanau, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 39 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 35 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
   c) 23 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.

2. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Melayu, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 35 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
   c) 20 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

3. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Iban, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 16 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
   c) 11 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.

4. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Cina, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 15 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
   c) 9 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.

5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau domain kedai dan pasar ialah 323 orang, iaitu:

   a) 159 orang atau 49% memilih dialek Melayu Sarawak sesama Melanau, Iban, Melayu, dan Cina.
   b) 43 orang atau 13% memilih juga bahasa Melanau sesama Melanau dan Melayu.
   c) 31 orang atau 10% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Iban dan Cina.
   d) 90 orang atau 28% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau sesama Melanau, Melayu, Iban dan Cina.

6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain di kedai dan pasar ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

   a) Siapa bertutur – Responden Melanau.
   b) Pilihan Bahasa – Dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban, dan bahasa rojak Melayu-Melanau.
   c) Interlokuter - Sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina.

d) Domain - Di kedai dan pasar.

Responden Melanau di Sarikei telah memilih empat bahasa domain kedai dan pasar apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina. Domain ini menunjukkan bahawa orang-orang Melanau bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain dan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang paling utama dipilih. Selain dialek Melayu Sarawak, orang-orang Melanau ini juga menggunakan bahasa rojak Melayu-Melanau, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Iban.

Dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan utama dalam domain ini terutamanya ketika orang-orang Melanau berkomunikasi dengan orang Melayu dan sesama Melanau. Sekiranya orang-orang Melanau berkomunikasi dengan suku kaum Iban dan Cina, bahasa yang paling banyak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

Pilihan Bahasa Domain Di Bank

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain di bank dalam kalangan responden Melanau di Sarikei. Interkoluter responden Melanau domain di bank ini terdiri daripada sesama Melanau, Melayu, Cina, dan Iban. Jadual 4 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 4: Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Di Bank

Interlokuter	Pilihan Bahasa Domain Di Bank						
	Dialek Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Bahasa Rojak Melayu-Iban	Bahasa Rojak Melayu-Melanau	Jumlah Keseluruhan
Melanau	36	-	-	31	-	36	
Melayu	40	-	-	5	-	31	
Iban	40	-	-	-	16	10	
Cina	40	-	-	-	13	10	
Jumlah	156	0	0	36	29	87	308
%	51	0	0	12	9	28	100

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melayu domain di bank adalah:

1. Apabila responden Melanau bercakap sesama Melanau, responden Melanau memilih tiga bahasa sahaja, iaitu:

   a) 36 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 36 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
   c) 31 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.

2. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Melayu, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 31 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
   c) 5 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa Iban.

3. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Iban, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 16 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
   c) 10 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.

4. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Cina, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 13 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
   c) 10 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa rojak Melayu.

5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau domain di bank ialah 323, iaitu:

   a) 156 orang atau 51% memilih juga dialek Melayu Sarawak sesama Melanau, Iban, Melayu, dan Cina.
   b) 87 orang atau 28% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina.
   c) 36 orang atau 12% memilih juga bahasa Melanau sesama Melanau dan Melayu.
   d) 29 orang atau 9% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Iban dan Cina.

6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain di bank ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

   a) Siapa bertutur – Responden Melanau.
   b) Pilihan Bahasa – Dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban, dan bahasa rojak Melayu-Melanau.
   c) Interlokuter - Sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina.
   d) Domain - Di bank.

Responden Melanau di Sarikei telah memilih empat bahasa domain di bank apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina. Domain ini menunjukkan bahawa orang-orang Melanau bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain dan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang paling utama dipilih. Selain dialek Melayu Sarawak, orang-orang Melanau ini juga menggunakan bahasa rojak Melayu-Melanau, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Iban.

Dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan utama dalam domain ini terutamanya ketika orang-orang Melanau berkomunikasi dengan orang Melayu dan sesama Melanau. Sekiranya orang-orang Melanau berkomunikasi dengan suku kaum Iban dan Cina, bahasa yang paling banyak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

Pilihan Bahasa Domain Hospital dan Klinik

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain di hospital dan klinik dalam kalangan responden Melanau di Sarikei. Interkoluter responden Melanau domain di hospital dan klinik ini terdiri daripada sesama Melanau, Melayu, Cina, dan Iban. Jadual 5 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 5: Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Di Hospital dan Klinik

Interlokuter	Pilihan Bahasa Domain Di Hospital dan Klinik						
	Dialek Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Bahasa Rojak Melayu-Iban	Bahasa Rojak Melayu-Melanau	Jumlah Keseluruhan
Melanau	40	-	-	32	-	37	
Melayu	40	-	-	5	-	32	
Iban	40	-	-	-	18	11	
Cina	40	-	-	-	15	9	
Jumlah	160	0	0	37	33	89	319
%	50	0	0	12	10	28	100

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau domain di hospital dan klinik adalah:

1. Apabila responden Melanau bercakap sesama Melanau, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.

b) 37 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
c) 32 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.

2. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Melayu, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 32 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
   c) 5 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih bahasa Iban.

3. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Iban, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 18 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.
   c) 11 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.

4. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Cina, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 19 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
   c) 15 orang dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa domain di hospital dan klinik responden Melanau ialah 319 orang, iaitu:

   a) 160 orang atau 50% memilih dialek Melayu Sarawak sesama Melanau, Iban, Melayu, dan Cina.
   b) 89 orang atau 28% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina.
   c) 37 orang atau 12% memilih juga bahasa Melanau sesama Melanau dan Melayu.
   d) 33 orang atau 10% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Iban dan Cina.

6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain hospital dan klinik ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

   a) Siapa bertutur – Responden Melanau
   b) Pilihan bahasa – Dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Iban, dan bahasa rojak Melayu-Melanau
   c) Interlokuter - Sesama Melanau, Suku kaum Melayu, Iban, dan Cina
   d) Domain - Di Hospital dan Klinik.

Responden Melanau di Sarikei telah memilih empat bahasa domain di hospital dan klinik apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melanau, Melayu, Iban dan Cina. Domain ini menunjukkan

bahawa orang-orang Melanau bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain dan dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang paling utama dipilih. Selain dialek Melayu Sarawak, orang-orang Melanau ini juga menggunakan bahasa rojak Melayu-Melanau, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Iban.

Dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan utama dalam domain ini terutamanya ketika orang-orang Melanau berkomunikasi dengan orang Melayu dan sesama Melanau. Sekiranya orang-orang Melanau berkomunikasi dengan suku kaum Iban dan Cina, bahasa yang paling banyak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah

Bahagian ini membincangkan pilihan bahasa untuk domain sukan dan riadhah dalam kalangan responden Melanau di Sarikei. Interkoluter responden Melanau domain sukan dan riadhah ini terdiri daripada sesama Melanau, Melayu, Cina, dan Iban. Jadual 6 memaparkan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa untuk domain tersebut.

Jadual 6: Pilihan Bahasa Responden Melanau Domain Sukan dan Riadhah

Interlokuter	Pilihan Bahasa Domain Sukan dan Riadhah						
	Dialek Melayu Sarawak	Iban	Cina	Melanau	Bahasa Rojak Melayu-Iban	Bahasa Rojak Melayu-Melanau	Jumlah Keseluruhan
Melanau	38	-	-	21	-	36	
Melayu	40	-	-	18	-	34	
Iban	40	-	-	-	17	9	
Cina	40	-	-	-	14	13	
Jumlah	158	0	0	39	31	92	320
%	49	0	0	12	10	29	100

Dapatan keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau domain sukan dan riadhah adalah seperti:

1. Apabila responden Melanau bercakap sesama Melanau, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:
   a) 38 dari keseluruhan 40 orang cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 36 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
   c) 21 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Melanau.

2. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Melayu, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 34 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Melanau.
   c) 18 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.

3. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Iban, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 17 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
   c) 9 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

4. Apabila responden Melanau bercakap dengan orang Cina, responden Melanau memilih tiga bahasa, iaitu:

   a) 40 cenderung memilih dialek Melayu Sarawak.
   b) 13 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa Iban.
   c) 10 dari keseluruhan 40 orang cenderung juga memilih bahasa rojak Melayu-Iban.

5. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa untuk domain sukan dan riadhah responden Melanau ialah 320 orang, iaitu:

   a) 158 orang atau 49% memilih dialek Melayu Sarawak sesama Melanau, Iban, Melayu, dan Cina.
   b) 92 orang atau 29% memilih juga bahasa rojak Melayu-Melanau sesama Melanau dan Melayu.
   c) 39 orang atau 12% memilih juga bahasa Melanau sesama Melanau dan Melayu.
   d) 31 orang atau 10% memilih juga bahasa rojak Melayu-Iban dengan orang Iban dan Cina.

6. Dapatan pilihan bahasa untuk domain sukan dan riadhah ini dapat diringkaskan seperti di bawah:

   a) Siapa bertutur –Responden Melanau
   b) Pilihan bahasa – Dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu- Iban, dan bahasa rojak Melayu-Melanau
   c) Interlokuter - Sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina
   d) Domain - Di padang permainan dan tempat rekreasi

Responden Melanau di Sarikei telah memilih empat bahasa domain sukan dan riadhah apabila mereka berkomunikasi dengan sesama Melanau, Melayu, Iban, dan Cina. Domain ini menunjukkan bahawa orang-orang Melanau bertukar ganti pilihan bahasa bila bercakap dengan suku kaum yang lain dan

dialek Melayu Sarawak merupakan bahasa yang paling utama dipilih. Selain dialek Melayu Sarawak, orang-orang Melanau ini juga menggunakan bahasa rojak Melayu-Melanau, bahasa Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Iban.

Dialek Melayu Sarawak merupakan pilihan utama dalam domain ini terutamanya ketika orang-orang Melanau berkomunikasi dengan orang Melayu dan sesama Melanau. Sekiranya orang-orang Melanau berkomunikasi dengan suku kaum Iban dan Cina, bahasa yang paling banyak digunakan ialah dialek Melayu Sarawak.

Rumusan Pilihan Bahasa Responden Melanau

Secara keseluruhannya, pilihan bahasa yang utama responden Melanau di Sarikei tidak berbeza mengikut domain. Pilihan bahasa domain di rumah, persahabatan, di kedai, pasar, bank, hospital, klinik, sukan dan riadhah utamanya ialah dialek Melayu Sarawak. Bahagian ini akan membincangkan jumlah keseluruhan kekerapan dan peratusan pilihan bahasa responden Melanau di Sarikei. Jadual di bawah memaparkan jumlah keseluruhan pilihan bahasa responden Melanau.

Jadual 7: Jumlah Keseluruhan Pilihan Bahasa Responden Melanau

Pilihan Bahasa	**Dialek Melayu Sarawak**	**Bahasa Iban**	**Bahasa Melanau**	**Bahasa Rojak Melayu-Iban**	**Bahasa Rojak Melayu-Melanau**	**Bahasa Cina**	**Jumlah**
	823	-	230	150	482	-	**1535**
%	54	0	15	10%	31	0	**100**

Responden Melanau di Sarikei telah memilih empat bahasa, iaitu dialek Melayu Sarawak, bahasa Melanau, bahasa rojak Melayu-Melanau, dan bahasa rojak Melayu-Iban. Jumlah keseluruhan pilihan bahasa dalam kalangan responden Melanau ini ialah 1535 pilihan bahasa, iaitu:

i. 823 atau 54% dialek Melayu Sarawak.
ii. 482 atau 31% bahasa rojak Melayu-Melanau.
iii. 230 atau 15% bahasa Melanau.
iv. 150 atau 10% bahasa rojak Melayu-Iban.

Pilihan bahasa tertinggi dalam kalangan responden Melanau di Sarikei ialah dialek Melayu Sarawak, diikuti oleh bahasa rojak Melayu-Melanau dan bahasa Melanau. Maklumat ini menunjukkan responden Melanau telah memilih dialek Melayu Sarawak sebagai bahasa perhubungan yang utama di Sarikei.

Kesimpulan

Responden Melanau banyak menggunakan dialek Melayu Sarawak berbanding bahasa-bahasa yang lain. Bagi orang Melanau, selain dialek Melayu Sarawak, bahasa rojak Melayu-Melanau merupakan pilihan yang kedua dan bukannya bahasa rojak Melayu-Iban. Pilihan bahasa ini berlaku disebabkan perkaitan suku kaum yang Melanau dengan Melayu sangat erat. Selain itu, pengaruh agama Islam juga telah menyebabkan pilihan bahasa responden Melanau ini berbeza dengan suku kaum yang lain. Orang-orang Melanau di Sarikei hidup dan tinggal di kawasan kampung Melayu. Pilihan bahasa responden Melanau ini sangat dipengaruhi oleh orang-orang Melayu yang tinggal dalam kampung yang sama. Pilihan bahasa responden Melanau juga dipengaruhi pergaulan sehari mereka dengan suku kaum Melayu dan Iban.

RUJUKAN

Asmah Haji Omar (1982) *Language and Society in Malay*sia. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

Asmah Haji Omar (1985). *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus Kepada Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ervin-Tripp, S. (1972). An Analysis of Interaction of Language, Topic, and Listener (ed. Fishman) dlm. *Reading In Sociology of Language*. Mouton: The Hague-Paris.

Fishman, Joshua A. (1972) The Relation between Micro and Macro Sociolinguistics in the story of Who Speaks What Language to Whom and When" *Sociocultural Change* oleh Anwar D. Dil. California: Stanford University Press.

Fishman, Joshua A. (1972) *The Sociology of language.* Rowley, Mass: New bury House.

Fishman, Joshua A. (1972) The Relation between Micro and Macro Sociolinguistics in the story of Who Speaks What Language to Whom and When. dlm. John B. Pride and Janet Holmes (eds) *Sociolinguistics*. Harmondsworth: Penguin.

Fishman, Joshua A. (1991). *Sosiologi Bahasa* (terj. Alias Mohammad Yatim). Pulau Pinang/Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Sains Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hashim Awang (1979) Komuniti Melanau Islam di Bintulu Sarawak: Satu Kajian Sosio Budaya. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaya.

Holmes, Janet (2001). *An Introduction to Sociolinguistics (second edition).* Longman: Malaysia.

Ian Clayre (1970) The Spelling of Melanau. *Sarawak Museum Journal*, 18: 36-37.

Morris H.S. (1953) *Report on a Melanau Sago Producing Community*. Colonial Office: Her Majesty's Stationery Office.

Noriah Mohamed & Meriam Abd. Karim (2005) "Bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka: Satu Analisis Domain Penggunaan", *Jurnal Bahasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Mac, 1-50.